

# Terus ditimpa musibah

Andai dihitung daripada bencana-bencana dalam tempoh dua tahun ini, lebih 200,000 orang telah menjadi korban di negara yang berpopulasi lebih 200 juta penduduk itu.

KOSMO 11/12/03/07 MS 26



Oleh ADHAM SHADAN  
adham@kosmo.com.my

**S**UDAH jatuh ditimpa tangga. Barangkali itulah peribahasa yang boleh dikaitkan untuk menggambarkan nasib malang yang jatuh bertimpa-timpa ke atas negara jiran, Indonesia. Satu demi satu malang melanda. Ibarat belum pun tangisan di sini reda, tangisan di sana pula mula bergema.

Dalam tempoh dua tahun ini sahaja, sudah terlalu banyak bencana alam yang menimpa. Ombak besar tsunami, gempa bumi, banjir besar, jerebu dan gunung berapi. Itu belum lagi masalah wabak penyakit seperti selesema burung dan polio yang menjadi ancaman epidemik di negara itu. Ditambah pula dengan tragedi-tragedi seperti feri karam, terbakar dan pesawat terhempas. Boleh dikatakan hampir setiap pelosok negara itu tidak sunyi daripada dilanggar malapetaka.

Kedudukan geografi Indonesia yang terletak di lingkaran api pasifik menyebabkan ia terdedah kepada ancaman bencana tsunami, gempa bumi dan gunung berapi. Lokasinya di penjuru tiga plat tektonik, termasuk plat Pasifik, Eropah dan Asia, serta Australia, menjadikan negara itu sebagai lokasi tercetusnya bencana-bencana ini dengan kerap. Indonesia memiliki sekurang-kurangnya 66 gunung berapi.

Siapa sahaja bisa menganggap *turning point* segala bencana yang melanda Indonesia akhir-akhir ini ialah

gempa bumi yang membawa gelombang ganas tsunami pada hujung 26 Disember 2004. Pada masa itu, seluruh dunia tertumpu pada wilayah Aceh yang terletak di utara Sumatera. Siapa pun tidak akan lupa pemandangan bak padang jarak padang tekukur dengan hanya sebuah masjid utuh berdiri yang disiarkan di dada-dada akhbar ketika itu.

Gelombang yang mencecah 9.2 skala Richter yang dilaporkan membentuk ombak besar setinggi lima meter itu mengorbankan 168,000 nyawa di negara tersebut. Ia juga turut mengorbankan beribu-ribu nyawa di Sri Lanka, India dan Thailand. Malaysia turut menerima kesannya. Kekuatannya dianggap sebagai gempa yang paling kuat pernah berlaku di dunia sejak awal kurun ke-20.

Menurut perangkaan kerajaan, kira-kira 400,000 penduduk wilayah Aceh mati dalam bencana itu. Jika benarlah angka tersebut, bererti ia mewakili sekitar 10 peratus daripada seluruh empat juta penduduk wilayah jolokan Serambi Mekah itu.


Sejak tsunami melanda, trauma menghantui penduduk Indonesia terutamanya yang mendiami kawasan pesisir pantai. Mereka berasa fobia dan panik apabila mendengar bunyi atau melihat orang ramai berlari dan segera menyelamatkan diri ke tempat yang tinggi. Apatah lagi apabila diberitakan masih ada 'anak-anak' gempa tsunami yang bakal menyusuli.

Ternyata ramalan itu benar belaka. Kerana kesan geologikal yang ditinggalkan tsunami, belum pun li-

TARIKH 26 Disember 2004 mencatatkan pengalaman paling buruk Indonesia apabila ombak besar tsunami dari Lautan Hindi menghempas daratan Aceh. Selain menjejaskan negara yang berkongsi laut seperti Sri Lanka, India dan Thailand, lebih 100,000 nyawa terkorban.



**PENDARATAN** tidak sempurna Boeing 737-400 milik Garuda Indonesia di Lapangan Terbang Adi Sucipta, Yogyakarta, dipercayai berpunca daripada kecuaiannya manusia. Ia telah meragut 30 nyawa dan mencederakan 90 yang lain.



**SEKURANG-KURANGNYA** 16 terkorban dalam sebuah insiden yang melibatkan kebakaran Feri Levina 1 yang memuatkan kira-kira 300 penumpang di kawasan Laut Jawa. Kejadian ini adalah yang kedua terburuk di Indonesia dalam tempoh lima tahun yang melibatkan feri, selepas kejadian pada 30 Disember 2006 yang menyaksikan Feri Senopati karam di perairan Rembang, Jawa Tengah mengorbankan 200 penumpang.



## Indonesia di atas Lingkaran Api

Gempa bumi yang kuat menghentam pulau Sumatera merupakan aktiviti seismik aktif yang terbaru di atas Lingkaran Api.

### INDONESIA

Indonesia mempunyai lebih daripada 18,000 pulau yang menempatkan kira-kira 500 gunung berapi, 130 aktif.

#### Pusat gergan

Magnitud: 6.3  
Kematian: Lebih 70  
(6 Mac 2007)



Pusat gergan  
Magnitud: 9.2  
Kematian: 168,000  
(26 Dis 2004)

Pusat gergan  
Magnitud: 8.7  
Kematian: 900  
(28 Mac 2005)


Pusat gergan  
Magnitud: 7.7  
Kematian: 650  
(17 Julai 2006)

Pusat gergan  
Magnitud: 6.3  
Kematian: 6,000  
(27 Mei 2006)

Sumber: AFP/USGS

AFP

**BANJIR** besar melanda Jakarta bermula 1 Februari 2007 merupakan kejadian banjir terburuk di negara itu dalam tempoh lima tahun ini. Ia bukan saja menghentikan operasi pentadbiran dan ekonomi ibu negara Indonesia, tetapi turut melibatkan korban nyawa, kerosakan harta benda dan sebagainya.



**PADA** pukul 10.49 pagi 6 Mac 2007, bumi Solok, Sumatera Barat, Indonesia, digegarkan oleh gempa bumi berukuran 6.3 pada skala Richter. Akibatnya, 82 orang terbunuh dan beratus-ratus lagi cedera.

**MUNGKINKAH** tangisan meratapi bencana alam dan kehilangan insan tersayang akan berakhir di Indonesia?

ma bulan berlalu, pada 28 Mac 2005, Pulau Nias, Sumatera pula dilanda gempa sehingga membunuh 900 nyawa. Sebulan kemudian, gempa bumi kecil berlaku di barat Sumatera tapi pada kekuatan 5.5 skala Richter dan tidak mencetuskan tsunami.

Setahun kemudiannya, satu lagi gempa bumi dengan gegaran 6.2 pada skala Richter meragut 6,000 nyawa penduduk Yogyakarta di Pulau Jawa. Daerah Bantul menjadi daerah paling teruk dilanda musibah itu.

Lebih menyedihkan, petaka itu berlaku sewaktu penduduk di wilayah itu sedang bersiap siaga menanti muntahan lahar Gunung Berapi Merapi yang telah menunjukkan tanda-tanda untuk meletup sejak beberapa minggu sebelum itu. Seramai 15,000 penduduk telah dipindahkan.

Dua bulan kemudiannya, gempa bumi yang membawa tsunami datang lagi. Kalau dulu di perairan Sumatera, kini di selatan Jawa. Penduduk

kawasan tersebut dahulunya tidak terkesan dengan tsunami pertama, tetapi siapa sangka kali ini giliran mereka. Gempa dengan kekuatan 7.7 skala Richter itu menyebabkan air laut sampai ke daratan sejauh 300 meter dan menelan korban sebanyak 650 nyawa. Kira-kira 100,000 hilang tempat tinggal.

Terbaru, pada 6 Mac lalu, episod gempa bumi kembali melanda Sumatera. Kawasan paling teruk dilanda gempa ialah di sekitar Solok, sebuah pekan berhampiran pusat gempa di pantai barat Sumatera yang juga terselamat daripada kecelakaan bencana tsunami tahun 2004. Dlaporkan lebih 80 orang telah menjadi korban.

Dalam kita menangi kejadian banjir yang teruk melanda beberapa negeri di negara kita awal tahun ini, Indonesia juga turut menghadapinya. Malah, banjir besar yang menenggelamkan ibu negaranya, Jakarta itu

telah mengorbankan 80 orang.

Tragedi yang melanda Indonesia bukan sahaja melibatkan bencana aturan alam. Bahkan, terdapat juga tragedi dahsyat yang berlaku kerana manusia.

Dalam tempoh dua tahun ini, laluan udara dan perairan Indonesia berulang kali menjadi saksi berlakunya kemalangan ngeri. Penghujung bulan Disember lalu, sebuah feri penumpang di Laut Jawa telah karam dan meragut lebih 350 nyawa sebelum sebuah feri terbakar ketika dalam pelayaran ke Pulau Bangka, dekat Sumatera 22 Februari lalu. Kira-kira 54 nyawa disahkan terkorban manakala pencarian mayat 23 lagi mangsa menghadapi jalan buntu.

Di laluan udara, pesawat penerbangan Mandala telah terhempas di sebuah bandar di Sumatera pada 5 September 2005 dan meragut 150 nyawa. Pesawat Adam Air pula terhempas dan hilang berdekatan Su-

lawesi dengan 102 penumpang dianggap telah terkorban pada awal tahun ini. Terbaru, sehari selepas gempa bumi di Solok, Jawa, Selasa lalu, pesawat Garuda pula terhempas ketika mendarat di Lapangan Terbang Adi Sutjipto, Yogyakarta. Pesawat itu didakwa mendarat laju.

Berapa banyak lagikah malapetaka yang akan kita dengari di Indonesia selepas ini? Berapa banyak pula nyawa yang akan menjadi korban? Andai dihitungkan daripada bencana-bencana sepanjang dua tahun ini, lebih 200,000 orang telah menjadi korban di negara berpenduduk lebih 200 juta penduduk itu.

Benar, bencana alam itu di luar kawalan manusia. Tidak mampu ditentang, tidak terdaya dihalang. Tetapi, dengan pengalaman-pengalaman berhadapan bencana sebelum ini, sewajarnya kadar kecelakaan, kerosakan dan kematian dapat dikurangkan.